



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


23 MEI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **136 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **60,378 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Lahad Datu dan Putatan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 49 menjadikan jumlah kumulatif 58,710 orang. Seramai 965 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 354 orang di hospital, 610 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara satu (1) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 41 orang dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan berubah dari zon jingga ke zon merah, Beaufort berubah dari zon jingga ke zon kuning, Kota Marudu bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 10 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

- 5 **Terdapat satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.**
- Kluster Jalan Mangga di Kota Kinabalu** dikesan pada 18 Mei 2021 melalui saringan bergejala. Kes indeks merupakan lelaki, 69, dari Kionsom Inanam dan mengalami gejala demam sebelum disahkan positif RTK Antigen di klinik swasta. Hasil siasatan awal, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri majlis hari jadi di Restoran Little Nanyang Bakuteh Kolombong, Jalan Mangga pada 13 Mei 2021. Susulan kes itu, saringan kontak mendapati 13 lagi kes positif melibatkan ahli keluarga dan generasi kedua, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 14 kes. Pasukan kawalan masih giat menjalankan aktiviti pengesanan.
- 6 Daripada 136 kes positif COVID-19, sebanyak 79 kes (58.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 19 kes (13.9%) saringan bergejala, 22 kes (16.2%) dari kluster sedia ada serta 16 kes (11.8%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,367 unit
- Hospital 569 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,378 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 28.66%.

B SARANAN MENDAFTAR SEBAGAI PENERIMA VAKSIN

- 1 Pada hari ini, daerah Tawau merekod 32 kes jangkitan baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 343 kes positif COVID-19 dengan 10 kluster yang masih aktif.
- 2 Namun, berbanding jumlah penduduk seramai 441,774 orang, hanya 12.7 peratus dengan 44,529 pendaftar sahaja yang telah melengkapkan dua dos vaksin.
- 3 Oleh itu, masyarakat disaran mendaftar sebagai penerima sebagaimana saranan Kerajaan agar sasaran Imuniti Kelompok dapat dicapai.

- 4 Kaedah pendaftaran boleh dibuat sama ada secara terus dengan hadir terus ke klinik-klinik kesihatan berhampiran, mendaftar melalui laman sesawang <http://vaksincovid.gov.my> ataupun menerusi panggilan hotline 1 800 88 828, selain memuat turun aplikasi MySejahtera.

C SOP PKPB SABAH DIKEMASKINI

SOP PKPB Sabah dikemaskini **23 Mei 2021** seperti di **LAMPIRAN A** berkuatkuasa **25 Mei 2021**.

D PKPD TAMAN ABAKA, LADANG TABLE, TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa peningkatan kes COVID-19 di Taman Abaka, Ladang Table, Tawau.
- 2 Sehingga kini, terdapat 37 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 135 ujian saringan yang telah dilakukan KKM.
- 3 KKM juga mendapati berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam masa yang singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Abaka, Ladang Table, Tawau berkuat kuasa 25 Mei sehingga 7 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD membolehkan KKM menjalankan pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin sekali gus memutuskan rantaian jangkitan di kawasan ladang tersebut.

E PENAMATAN PKPD KAMPUNG KERAMAT, SEMPORA

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Keramat, Semporna Sabah yang dijadualkan tamat pada 24 Mei

2021.

- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 138 ujian saringan dan 19 individu disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan trend kes menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah dirawat.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Keramat, Semporna, Sabah pada 24 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 56,721 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 51,440 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **2,264** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,131** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **1,634** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **14,020** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 2,377 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **507,333** (mysejahtera 444,220 : laman web 61,878 : talian vaksinasi 235) bersamaan 17.3%.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **322,432** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH,
SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 53 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 25,838 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 152 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 70 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 42 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Empat (4) orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - 17 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - 13 orang : Tiada penjarakan sosial
 - Lapan (8) orang : Lain-lain kesalahan.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 96 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 277 lokasi melibatkan seramai 133 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 53 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu di daerah Sandakan, Semporna, Kota Kinabalu dan Kinabatangan.

7 Sejumlah 24 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kudat	98%
5	Beaufort	98%
6	Keningau	97.5%
7	Kota Belud	97.5%
8	Semporna	97.5%
9	Penampang	97%
10	Ranau	97%
11	Papar	97%
12	Tuaran	97%
13	Kunak	97%
14	Kinabatangan	97%
15	Sandakan	97%
16	Sipitang	97%
17	Kota Kinabalu	96.5%
18	Lahad Datu	96.5%
19	Tawau	96%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

SOP PKPB KEMASKINI 22 MEI 2021	KETETAPAN KERAJAAN NEGERI
<p>1. Restoran, café, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja, medan selera, perkhidmatan penghantaran (<i>delivery</i>) makanan, pembelian makanan secara bawa pulang (<i>take away</i>) dan pandu lalu (<i>drive thru</i>) yang menyediakan juadah sahur DIBENARKAN beroperasi sehingga 6.00 pagi sehingga 12.00 malam sahaja dengan pematuhan SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman).</p> <p>2. Operasi kedai nombor ramalan yang dilesenkan di bawah Kementerian Kewangan adalah DIBENARKAN berdasarkan waktu operasi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hari Cabutan : 8.00 pagi hingga 7.00 malam • Hari Tanpa Cabutan : 8.00 pagi hingga 6.00 petang <p>3. Operasi mesin slot yang dilesenkan dibawah Kementerian Kewangan adalah DIBENARKAN bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.</p> <p>4. Operasi lain-lain perniagaan yang DIBENARKAN beroperasi bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.</p> <p>5. Stesen minyak termasuk kedai serbaneka di stesen minyak DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.</p> <p>6. Kedai dobi DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam. Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis bagi mengawal bilangan pelanggan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.</p>	<p><u>Operasi</u></p> <p>1. Restoran termasuk Restoran dalam Hotel : hingga 10.00 malam</p> <p>2. Kedai / Gerai Makan: hingga 9.00 malam.</p> <p>3. Pusat Membeli Belah (Mall) / Hyper Market: hingga 9.00 malam.</p> <p>4. Kedai Runcit / Serbaneka: hingga 9.00 malam.</p> <p>5. Operasi lain-lain perniagaan yang DIBENARKAN beroperasi bermula dari jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam.</p> <p>6. Kedai dobi DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam. Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis bagi mengawal bilangan pelanggan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.</p> <p>7. Kedai gunting rambut / salun, facial, perkhidmatan spa, refleksologi, urut dan <i>wellness</i> DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam.</p> <p>8. Pusat cuci kenderaan DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam dengan memastikan pematuhan SOP sedia ada.</p>

7. Kedai gunting rambut / salun, facial, perkhidmatan spa, refleksologi, urut dan **wellness DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.
8. Pusat cuci kenderaan **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam dengan memastikan pematuhan SOP sedia ada..

Bilangan Pengunjung dalam Pusat Membeli Belah (Mall), Hypermarket, Supermarket, Mini Market, kedai runcit dan sebagainya

1. Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki untuk menetapkan maksimum, bilangan pengunjung iaitu 50% kapasiti ruang.
 - **200 kaki persegi untuk seorang pelanggan**
 - **Tidak lebih dari 1 jam.**

NOTA : Tarikh kuatkuasa SOP yang dikemaskini ini ialah pada 25hb Mei 2021, dengan mengambil kira bahawa esok adalah satu hari peringatan awal.